

## **PROSEDUR TERKINI BAGI WARGANEGARA MALAYSIA YANG INGIN KELUAR NEGARA**

Jabatan Imigresen Malaysia telah mengemas kini prosedur bagi warganegara Malaysia yang ingin keluar negara dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seperti berikut:

1. Kategori berikut dibenarkan ke luar negara **TANPA PERLU** memohon kebenaran awal dan dikehendaki menunjukkan dokumen sokongan yang berkaitan kepada pegawai imigresen semasa hendak keluar adalah:

### **Kategori sedia ada:**

- i) Diplomat dan pegawai Kedutaan Malaysia yang akan / kembali bertugas di luar negara termasuk tanggungan masing-masing.
- ii) Pemegang Pas Jangka Panjang di luar Negara (Pemastautin Tetap / Pas Residen / Pas Kerja dan lain-lain).
- iii) Bekerja dengan syarikat petroleum dan syarikat perkapalan yang perlu *sign-on* ke atas kapal di luar negara.

### **Kategori Tambahan:**

- iv) Pelajar dan tanggungan yang meneruskan pengajian dengan syarat memiliki visa pelajar atau visa tanggungan yang sah.
- v) Pelajar yang baru mendapat tawaran belajar di universiti di luar negara bersama dua (2) orang pengiring.
- vi) Pelajar lama yang menyambung pelajaran di luar negara bersama dua (2) orang pengiring.
- vii) Pelajar yang menduduki peperiksaan di luar negara bersama dua (2) orang pengiring.

- viii) Urusan kecemasan seperti kematian dan sakit kritikal.
  - ix) Bertemu isteri atau suami di luar negara di mana perkahwinan ha  
nya didaftarkan di luar negara.
  - x) Menyertai acara sukan, seminar dan mesyuarat; dan
  - xi) Menyertai misi bantuan kemanusiaan.
2. Kategori berikut **PERLU** memohon kelulusan dari JIM melalui sistem *MyTravelPass (MTP)*:
- i) Warganegara yang baru mendapat tawaran bekerja di luar negara.
  - ii) Menghadiri latihan / lawatan di luar negara.
  - iii) Menyertai pameran di luar negara dengan mengemukakan surat sokongan daripada Agensi kawal selia.
  - iv) Pemegang Visa Pasangan / Tunangan (perkahwinan yang tidak didaftarkan secara sah).
3. Kategori berikut **TIDAK DIBENARKAN** keluar negara:
- i) Melancong / bercuti.
  - ii) Lawatan biasa ke atas ahli keluarga.

Arahan ini berkuat kuasa pada 1 Oktober 2021.

*Bahagian Keselamatan dan Pasport  
Dikemaskini pada 1 Oktober 2021*